

# Pemakaian Undang-Undang Tort Dalam Tuntutan Saman Gangguan Seksual Di Malaysia

(Application Of The Tort Of Law In Sexual Harassment Claims In Malaysia)

NATASHA ADILLA MAHAZIR  
TENGGU NOOR AZIRA BT TENGGU ZAINUDIN

## ABSTRAK

Dalam era modenisasi ini, gangguan seksual bukan lagi suatu perlakuan yang boleh dianggap remeh dan patut dipandang serius oleh kerana ia bersifat sensitif, mengaibkan dan berpotensi untuk mengganggu psikologi dan emosi mangsa berkenaan. Tanpa mengira tempat dan masa, seringkali kita ketahui bahawa wanita lebih cenderung dijadikan mangsa gangguan seksual terutamanya di tempat kerja memandangkan golongan lelaki tampak lebih dominan di dalam kebanyakan organisasi. Apabila perlakuan tersebut dilaporkan kepada pihak atasan, tiada sebarang tindakan lanjut yang diambil kerana isu ini dianggap tidak signifikan dan tidak membawa apa-apa pulangan yang lumayan kepada syarikat, malah sekadar menggugat reputasi syarikat tersebut. Hal ini cukup membimbangkan terutamanya apabila menyedari bahawa tiada sebarang undang-undang khusus yang mengawal perbuatan gangguan seksual secara ketat bagi tujuan melindungi hak dan kepentingan mangsa berkenaan. Pendek kata, masih terdapat lompong yang ketara dari sudut perundangan gangguan seksual disebabkan oleh ketiadaan undang-undang khusus yang mengiktiraf pemberian ganti rugi kepada mangsa. Maka, penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menganalisis kesesuaian pengaplikasian undang-undang tort dari aspek remedi yang boleh dipohon oleh mangsa. Penulisan ini turut merujuk kepada undang-undang tort gangguan seksual di negara-negara luar seperti Hong Kong dan Singapura sebagai perbandingan bagi melihat keberkesanannya dalam melindungi mangsa-mangsa gangguan seksual sebagai satu perbandingan.. Turut dicadangkan reformasi undang-undang dalam tuntutan gangguan seksual dari segi aspek penggubalan sebuah akta khusus bagi kesalahan gangguan seksual di Malaysia. Penulisan ini mendapati bahawa undang-undang tort sememangnya sesuai untuk diaplikasikan dalam tuntutan saman gangguan seksual di Malaysia agar hak mangsa terhadap ganti rugi dapat dipenuhi.

*Kata kunci: gangguan seksual, ganti rugi, remedi, undang-undang tort*

## ABSTRACT

*In this era of modernization, sexual harassment is no longer an act that can be considered trivial and should be taken seriously as it is sensitive, humiliating and potentially disruptive to the psychology and emotion of its victims. Notwithstanding the place and time, we are constantly being reminded of the fact that women tend to be sexual harassment victims especially in the workplace as men seem to be dominant in most work organisations. When such acts are reported to the authorities, no further action were being taken because this issue is considered as insignificant and profitable to the company and it even merely tarnish the company's reputation in the eyes of public. This situation is worrying especially when it becomes evident that there are no specific laws that actually govern it in a strict manner for the purpose of protecting the rights and interests of the victims. Briefly, there is still an obvious loophole in sexual harassment laws in Malaysia due to the absence of specific law that recognizes the grant of damages to the victims. Thus, this article aims to analyze the applicability of the law of the torts from the aspect of remedies that may be sought by the victims. This article found that the law of torts should be resorted to in sexual harassment cases in Malaysia in order for the victims to get damages. In this aspect, the authors had also referred to tort law on sexual harassment in other countries like Hong Kong and Singapore to scrutinize its effectiveness towards the protection of harassment victims as a comparison. Law reform in sexual harassment claims was also suggested by way of legislating a specific Act for sexual harassment cases on the basis of the law of torts. This article found that the application of*

*the law of torts is very appropriate and suitable in sexual harassment claims in Malaysia as a way to satisfy the rights of victims towards damages.*

*Keywords: sexual harassment, damages, remedies, law of torts*

## PENGENALAN

Gangguan seksual dapat ditakrifkan sebagai suatu bentuk keganasan atau ancaman yang dilakukan terhadap wanita secara lisan, tingkahlaku seksual, mempamir bahan-bahan lucuh dan sebagainya. (Rohani, 2011)<sup>1</sup>. Perlakuan ini bukanlah suatu perkara yang remeh, malah patut dipandang serius oleh kerana sifatnya yang sensitif, mengaibkan dan cenderung untuk mengganggu psikologi dan emosi si mangsa. (Achampong, 1999)<sup>2</sup> Tambahan lagi, dalam kebanyakan kes gangguan seksual wanita pula yang sering dipersalahkan kerana telah menarik perhatian lelaki secara seksual menerusi tingkahlaku, penampilan mahupun pemakaian. (Workman & Johnson 1991)<sup>3</sup> Khususnya di tempat kerja, wanita lebih cenderung untuk diganggu secara seksual oleh kerana kebiasaannya golongan lelaki akan mendominasi tampuk kepimpinan sesuatu kerjaya itu berbanding wanita. (Fiske, 1993)<sup>4</sup>

Walau bagaimanapun, keseriusan perlakuan gangguan seksual tidak begitu menjadi perhatian ramai pihak untuk dikawal secara ketat menerusi undang-undang. Meskipun terdapat pelbagai sumber undang-undang yang berperanan untuk mengawal tingkahlaku masyarakat di Malaysia, namun tiada satu pun undang-undang yang membangkitkan persoalan gangguan seksual secara khusus dan teliti. Kebanyakan undang-undang sedia ada antara lainnya seperti Perlembagaan Persekutuan, undang-undang pekerjaan seperti Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Industri 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, undang-undang-undang pentadbiran,

undang-undang jenayah seperti Kanun Keseksaan dan Akta Jenayah Syariah 1997 hanya boleh digunapakai kepada masalah gangguan seksual apabila mahkamah membuat tafsiran undang-undang yang terpakai dalam kes gangguan seksual. Kebiasaannya, kaedah ini adalah salah satu cara untuk menyumbang kepada penghasilan undang-undang gangguan seksual yang lebih tepat.

Sebagai contoh, baru-baru ini, mahkamah telah memutuskan pemberian ganti rugi berbentuk pampasan kepada mangsa gangguan seksual buat pertama kalinya dalam kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v. Asmah Hj Mohd Nor*<sup>5</sup> Kes tersebut merupakan mercu tanda kepada kes gangguan seksual di Malaysia setelah mahkamah membuat pengiktirafan terhadap bahaya emosi dan psikologi mangsa gangguan seksual sebagai kesalahan tort kejutan saraf. Bukan itu sahaja, kes itu juga telah berjaya melengkapkan peruntukan Akta Kerja 1955 yang tidak langsung menyebut tentang pemberian remedi kepada pekerja atau mangsa gangguan seksual di tempat kerja di samping memperkenalkan tort gangguan seksual kepada sistem perundangan di Malaysia.

## GANGGUAN SEKSUAL DI MALAYSIA: PERMASALAHAN UNDANG-UNDANG DAN DAPATAN

Seperti negara lain, Malaysia juga tidak terlepas daripada dibelenggu masalah penguatkuasaan undang-undang yang masih

longgar terhadap kesalahan gangguan seksual. Malah di negara ini, di samping penguatkuasaan yang longgar, didapati tiada terdapat undang-undang yang memperuntukkan bahawa mangsa boleh memohon ganti rugi dalam bentuk kewangan dari pengganggu atau pesalah. Meskipun terdapat statut dan peraturan yang menjustifikasikan mangsa gangguan seksual untuk membuat aduan rasmi kepada majikan seperti Akta Kerja (Pindaan) 2012 dan Kod Amalan Malaysia Mengenai Pencegahan dan Pendidikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja 1999, namun undang-undang tersebut langsung tidak menyentuh tentang hak mangsa dan liabiliti pengganggu bagi skop kesalahan itu. Hal ini bermakna undang-undang bertulis yang sedia ada tidak mengiktiraf pemberian ganti rugi kepada mangsa gangguan seksual. (Jofan Pang)<sup>6</sup>. Buktinya, dalam kebanyakan kes pemecatan akibat gangguan seksual, tiada langsung tuntutan ganti rugi yang dibawa oleh pihak mangsa itu sendiri akibat kekangan peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk membela nasib mereka.

Dalam kes *Freescale Semiconductor Malaysia Sdn Bhd v. Edwin Michael Jalleh & Anor*<sup>7</sup>, Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa pemecatan pihak responden (pengganggu) telah dilakukan tanpa alasan yang adil dan bersebab lalu memerintahkan agar ia diberikan gaji tertunggak dan pampasan sebagai ganti pelantikan. Mahkamah berpendapat bahawa hukuman pemecatan terhadap pengganggu adalah terlalu keras sedangkan bahaya yang ditimpa oleh mangsa itu tidak melampau oleh kerana ia dikelilingi oleh rakan-rakan sekerjanya pada waktu kejadian. Begitu juga dalam kes *Harun Yaakub v. RHB Bank Berhad*<sup>8</sup>, Mahkamah Perusahaan berpihak kepada pengganggu gangguan seksual yang berkhidmat sebagai seorang Eksekutif di

RHB Bank Berhad walaupun telah berjaya dibuktikan oleh mangsa bahawa pengganggu sememangnya melakukan salah laku tersebut. Mahkamah juga menekankan bahawa tiada alasan yang adil dan bersebab untuk menamatkan perkhidmatan pengganggu sedangkan gangguan seksual yang dilakukan terhadap pekerja adalah suatu kesalahan yang sepatutnya dipandang serius. Berdasarkan kes-kes yang diputuskan, jelaslah bahawa hak untuk mendapatkan ganti rugi langsung tidak diperuntukkan kepada mangsa-mangsa gangguan seksual di Malaysia akibat tiada peruntukan undang-undang yang khusus untuk menawarkan perkara sedemikian.

Keputusan kes-kes di atas membuktikan bahawa pindaan terhadap Akta Kerja 1955 pada tahun 2012 langsung tidak mengubah nasib mangsa gangguan seksual, malah sekadar memberikan arahan kepada para majikan untuk membuat siasatan ke atas apa-apa aduan tentang gejala gangguan seksual dalam kalangan para pekerjanya. Di bawah pindaan tersebut, mangsa gangguan seksual masih tiada hak untuk menuntut ganti rugi daripada si pengganggu. (Donovan & Ho, 2016)<sup>9</sup>. Oleh hal yang demikian, dalam keputusan kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v. Asmah Hj Mohd Nor*<sup>10</sup>, panel hakim telah mencapai keputusan untuk melaksanakan aktivisme kehakiman (*judicial activism*) dan memutuskan bahawa sudah tiba masanya untuk mengimport tort gangguan ke dalam sistem undang-undang dan kehakiman dengan menjadikan gangguan seksual sebahagian daripadanya (Malaysiakini)<sup>11</sup>. Dengan itu, keputusan tersebut merupakan titik permulaan kepada tuntutan gangguan seksual sebagai kausa tindakan yang sahdi bawah undang-undang tort. Pengaplikasian undang-undang tort akan membolehkan mangsa gangguan seksual untuk mendapatkan ganti rugi daripada pihak

mahkamah.

## UNDANG-UNDANG DAN ANALISIS

Undang-undang tort menjadi pilihan atas dua sebab; (i) kepelbagaian undang-undang itu sendiri berdasarkan kategori-kategori tort yang boleh digunapakai dalam kausa tindakan; dan (ii) undang-undang tort turut memberikan manfaat remedi kepada pihak yang tercedera, iaitu mangsa gangguan seksual. Bersesuaian dengan sifatnya yang mengimbangi hak dan kepentingan setiap lapisan masyarakat, (Sappideen & Vines, 2011)<sup>12</sup> undang-undang tort adalah pelbagai berdasarkan kategori-kategori tort yang setiap satunya berbeza dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Kepelbagaian inilah yang membolehkan mangsa-mangsa gangguan seksual untuk memilih mana-mana tort (kesalahan) yang dirasakan bersesuaian dengan situasi yang dialami seperti kecuaihan, kejutan saraf, serangan dan hentaman, tanggungan beralih dan juga tort gangguan. Walau bagaimanapun, kejayaan tuntutan saman yang dibawa bergantung pada bentuk kecederaan yang berjaya dibuktikan di semasa percikaraan di mahkamah.

Pertama sekali, tort kecuaihan boleh dijadikan kausa tindakan dalam tuntutan saman gangguan seksual yang dibawa oleh pekerja terhadap majikannya bersandarkan pada tiga elemen penting iaitu tugas berhati-hati (*duty of care*), pecah tugas (*breach of duty of care*) dan juga kerosakan (*causation*). (Norchaya Talib, 2015)<sup>13</sup>. Dalam erti kata lain, sekiranya pihak majikan didapati gagal untuk memberi perlindungan kepada orang bawahannya atau pekerjaanya daripada sebarang gangguan di tempat kerja sehingga menyebabkan pekerja tersebut tercedera dari segi fizikal mahupun mental, majikan tersebut boleh dikenakan liabiliti bagi tort kecuaihan. (Rohani, 2011)<sup>14</sup>. Justifikasi

kepada pernyataan tersebut ialah pihak majikan bersikap cuai terhadap keselamatan dan kebajikan pekerjaanya. Dalam kes *Wilson & Clyde Coal Co Ltd v. English*<sup>15</sup>, plaintif yang bekerja di lombong arang batu milik defendan telah mengalami kecederaan sewaktu melalui lubang di mana satu peralatan kilang sedang berfungsi di dalamnya pada ketika itu. Sebetulnya, peralatan tersebut perlu dimatikan bagi membenarkan plaintif berada dalam keadaan yang selamat sepanjang perjalanan. Apabila tindakan dibawa ke mahkamah, defendan menghujahkan bahawa tugas memperuntukkan sistem pekerjaan yang selamat oleh pihaknya serta-merta gugur setelah dilantik seorang pengurus yang kompeten dan berkelayakan di kawasan tersebut. Mahkamah, walau bagaimanapun, memutuskan bahawa defendan tetap bertanggung sebagai seorang majikan atas alasan ia tidak boleh melarikan diri daripada tugas menyediakan sistem pekerjaan yang selamat kepada para pekerjaanya.

Dalam kes *Waters v. Commissioner of Police of the Metropolis*<sup>16</sup>, plaintif yang merupakan seorang pegawai polis telah diserang secara seksual (*sexually assaulted*) oleh rakan sekerjanya sewaktu mereka telah tamat bertugas. Namun begitu, writ saman dikeluarkan olehnya kepada pihak pesuruhjaya atas alasan bahawa sebagai seorang majikan, beliau mempunyai tugas berhati-hati terhadapnya dan malang sekali beliau telah pecah tugas berhati-hati tersebut. Hal ini demikian kerana pihak pesuruhjaya dengan cuainya telah gagal untuk mengambil tindakan terhadap aduan yang pernah dibuat, seolah-olah ia membenarkan perbuatan gangguan seksual yang dilakukan oleh pekerjaanya terhadap plaintif. Bukan itu sahaja, beliau juga boleh dikatakan bertanggung secara beralih atas gangguan seksual yang dilakukan oleh pekerjaanya.

Mahkamah, dalam kes tersebut, memutuskan bahawa pihak defendan sememangnya mempunyai tugas berhati-hati terhadap plaintif sebagai seorang majikan terhadap pekerjaanya. Pecahan tugas tersebut berlaku apabila defendan gagal untuk melindungi plaintif daripada gangguan tersebut sedangkan ia dapat meramal kecederaan fizikal mahupun mental yang bakal dialami oleh plaintif. Dengan ini, defendan adalah bertanggung bagi tort kecuaiian dalam tuntutan saman gangguan seksual.

Perlu diingatkan bahawa tuntutan tersebut hanya akan berhasil sekiranya sebarang kerosakan atau kecederaan berjaya dibuktikan oleh pihak mangsa. Kecederaan fizikal mahupun mental yang dihadapi akibat gangguan seksual di tempat kerja menandakan bukti kukuh kepada kecuaiian pihak majikan terhadap keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja. Hal itu juga mengesahkan bahawa ia telah gagal untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat kepada pekerjaanya sehingga mendatangkan kemudatan yang sedemikian. Contoh kecederaan tersebut boleh dirujuk pada kes Hong Kong, *L v. Burton*<sup>17</sup>, di mana plaintif telah disahkan mengalami kebimbangan (*anxiety*), tekanan, kecederaan fizikal dan insomnia oleh pakar akibat gangguan seksual yang dihadapinya di tempat kerja. Ini berpunca daripada pemecatan plaintif dari sebuah syarikat setelah ia beberapa kali menolak untuk diganggu secara seksual oleh majikannya. Dipercayai bahawa pemecatan tersebut memberi impak yang mendalam kepada mental dan juga maruah plaintif. Oleh itu, mahkamah berpihak padanya dan mengurniakan ganti rugi sebanyak \$100, 000 bagi kecederaan fizikal dan mental yang dialaminya di samping pemecatannya juga.

Selain itu, tuntutan saman gangguan seksual boleh terjatuh di bawah tort kejutan saraf sekiranya berjaya dibuktikan bahawa perbuatan defendan telah menyebabkan plaintif mengalami penyakit psikiatri yang diiktiraf, iaitu bukan sekadar ketakutan, kejutan atau tekanan mental semata-mata.<sup>18</sup> Dalam erti kata lain, gangguan seksual yang dilakukan terhadap plaintif itu benar-benar mempengaruhi kesihatan mental plaintif. Dalam kes *Burnett v. George*<sup>19</sup>, plaintif telah mengalami satu siri pencabulan daripada pihak defendan seperti diserang secara terang-terangan, diceroboh sekitar kediamannya dan juga diganggu menerusi panggilan telefon. Oleh itu, satu injunksi dikeluarkan oleh mahkamah bagi menghalang defendan daripada menyerang, mencabul atau mengganggu plaintif selain daripada memasuki kediamannya. Defendan, walau bagaimanapun, mengemukakan rayuan dengan menghujahkan bahawa gangguan seksual tersebut bukanlah suatu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan (*actionable wrongs*), maka tindakan mahkamah yang mengeluarkan injunksi sebagai halangan kepada perbuatan defendan itu adalah tidak sah. Melalui semakan kehakiman, Mahkamah Rayuan membuat keputusan berdasarkan kes *Wilkinson v. Downton*<sup>20</sup> dengan menyatakan bahawa injunksi hanya akan dibenarkan sekiranya plaintif berjaya membuktikan bahawa gangguan daripada defendan itu telah menyebabkan kesihatannya merosot.

Dalam konteks Malaysia, tort kejutan saraf mula diiktiraf sebagai suatu kausa tindakan yang sah dalam tuntutan saman gangguan seksual melalui kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v. Asmah Hj Mohd Nor*<sup>21</sup>. Berdasarkan fakta kes, perayu yang merupakan Eksekutif Kanan dipercayai telah melontarkan kata-kata atau jenaka berunsur seksual dan perlacuran kepada responden di

samping menawarkannya untuk menjadi isteri kedua. Berikutan itu, responden telah membuat aduan kepada Ketua Pegawai Eksekutif melalui surat berkenaan siri perbuatan perayu yang jelas tidak bermoral terhadapnya. Dalam surat tersebut telah dilaporkan bahawa perayu pernah menganggunya secara seksual melalui emel yang bersifat tidak senonoh, kata-kata kesat, lawak-lawak lucu dan juga tawaran berterusan untuk menjadikan responden isteri keduanya. Kesannya, keadaan psikologi responden terjejas sehingga berlakunya peningkatan terhadap tekanan mental responden di samping mempengaruhi motivasi dan kepuasannya untuk meneruskan kerjaya. Hal ini, walau bagaimanapun, telah menyebabkan perayu menfailkan tuntutan saman fitnah terhadap responden.

Di Mahkamah Tinggi, diputuskan bahawa plaintif gagal untuk membuktikan bahawa wujudnya elemen fitnah dalam surat aduan yang dihantar oleh defendan kepada pihak atasan. Sebaliknya, pihak defendan telah berjaya dalam tuntutan balasnya dengan menghujahkan bahawa tindakan plaintif terhadapnya itu dikira sebagai suatu bentuk gangguan seksual.<sup>22</sup> Di Mahkamah Rayuan, pihak mahkamah mula memberi perhatian kepada tuntutan balas gangguan seksual yang dibawa oleh responden di mahkamah sebelumnya. Tambahan lagi, pihak responden juga ada menyatakan kepada Mahkamah Rayuan bahawa perbuatan gangguan seksual yang dikenakan terhadapnya bersifat ekstrim. Buktinya, kemerosotan mental dan fizikal responden sendiri yang mana mencerminkan kemudaratan sebenar dalam bentuk penyakit psikiatri. (Jashpal Kaur Bhatt 2016).<sup>23</sup> Jelas ini merupakan bentuk kecederaan dalam tort kejutan saraf yang diterima oleh mahkamah bagi tujuan pemberian remedi.

Setelah dapat membuat satu hubungkait antara gangguan seksual dan keadaan mental mangsa, Mahkamah Rayuan mencadangkan keperluan tort kejutan saraf di negara ini, terutamanya dalam tuntutan saman gangguan seksual. Di peringkat Mahkamah Persekutuan, para hakim telah bersetakat untuk memperuntukkan ganti rugi besar (*substantial damages*) kepada responden atas ketidakselesaian yang dialami dan juga ganti rugi teruk (*aggravated damages*) berdasarkan motif yang dikenalpasti dalam perbuatan perayu. Walau bagaimanapun, mahkamah juga bersetuju dengan pemberian ganti rugi am dan ganti rugi teruk oleh Mahkamah Tinggi setelah berpuas hati dengan pembuktian tort gangguan seksual dalam kes tersebut. Secara keseluruhannya, Mahkamah telah memutuskan bahawa sudah tiba masanya untuk mengimport tort gangguan seksual ke dalam sistem undang-undang dan kehakiman di Malaysia bagi membolehkan pihak mangsa menuntut ganti rugi daripada pihak mahkamah atas kecederaan yang dialami.<sup>24</sup>

Seterusnya, tindakan sivil juga boleh dibawa terhadap pengganggu gangguan seksual secara individu di bawah tort serangan dan hentaman. Tort serangan berlaku apabila defendan dengan sengaja meletakkan plaintif dalam keadaan takut terhadap bahaya melalui ancaman, kata-kata atau gerak tubuh yang bersifat seksual tanpa sebarang sentuhan fizikal. Manakala, tort hentaman pula melibatkan sentuhan fizikal atau hukuman yang disengajakan dengan kuasa menyalahi undang-undang (*intentional infliction of unlawful force*) terhadap seseorang. (Jack Tsen-Ta Lee 1999)<sup>25</sup> Dalam konteks gangguan seksual, kedua-dua jenis tort ini adalah terpakai asalkan plaintif berjaya membuktikan bahawa hubungan atau sentuhan fizikal defendan terhadapnya bersifat *offensive* di samping mendatangkan

bahaya.<sup>26</sup> Contohnya dalam kes *Skousen v. Nidy*<sup>27</sup>, suatu tuntutan saman gangguan seksual telah dibawa oleh seorang penjaga di taman treler yang berusia 65 tahun terhadap majikannya. Menggunakan tort serangan dan hentaman, plaintif mengakui bahawa pemilik taman tersebut telah berkali-kali menggangukannya secara seksual seperti menyentuh plaintif dengan berahinya dan terdapat juga keadaan di mana ia diperlakukan dengan begitu kasar. Mahkamah Agung Arizona memperakui keperluan untuk meremedikan kecederaan mental dan fizikal plaintif yang disebabkan oleh perbuatan majikannya, maka ganti rugi berbentuk pampasan dan punitif telah diberikan.

Hakim Baker dalam kes *PR v. KC Legal Personal Representative of the Estate of MC deceased*<sup>28</sup> berpendapat bahawa tuntutan ganti rugi di bawah tort serangan dan hentaman adalah *actionable per se* iaitu tiada sebarang kecederaan yang perlu dibuktikan oleh plaintif bagi mengenakan liabiliti tersebut terhadap penganggu. Dalam erti kata lain, plaintif terlepas daripada beban pembuktian bahawa sentuhan defendan mendatangkan bahaya atau kecederaan kepadanya. Hal ini diilustrasi daripada kes *R v. Chief Constable of Devon and Cornwall, ex parte CEGB*<sup>29</sup> di mana mahkamah berpendapat bahawa perbuatan defendan yang mencumbui rakan sekerjanya yang baru tanpa izin sudah memadai untuk dikenakan tanggungan bagi tort hentaman. Bersesuaian dengan sifat tort serangan dan hentaman yang *actionable per se*, pihak mangsa sebenarnya tidak perlu bersusah payah untuk membuktikan sebarang bentuk kecederaan yang dialami dalam memastikan tuntutan saman gangguan seksual di bawah tort tersebut berhasil.

Bagi gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja, mangsa juga boleh membuat tuntutan ganti rugi terhadap majikan di bawah tort tanggungan beralih sekiranya terdapatnya hubungan pekerjaan antara majikan (defendan) dan penganggu. Ini bermakna defendan selaku pihak majikan kepada penganggu boleh dikatakan bertanggungjawab secara beralih atas gangguan seksual yang dilakukan oleh pekerjanya dengan syarat perbuatan tersebut mestilah dilakukan dalam skop pekerjaan (*in the course of employment*). (Ali Mohamed et al, 2015).<sup>30</sup> Menurut Hakim McLachlin dalam kes *John Doe v. Bennett*<sup>31</sup>:

“Doktrin tanggungan beralih mengenakan liabiliti terhadap pihak majikan kepada pelaku tort, bukan atas dasar kesalahan majikan tersebut malahan atas alasan bahawa ia bertanggungjawab terhadap aktiviti atau perusahaan yang dilaksanakan. Oleh itu, pihak majikan adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak ketiga kesan daripada aktiviti atau perusahaan tersebut.”

Sebelum Mahkamah Agung Kanada memutuskan pihak gereja bertanggungjawab ke atas gangguan seksual yang dilakukan oleh salah seorang paderinya, terdapat beberapa elemen yang perlu dipenuhi iaitu: (i) wujudnya kesalahan tort; (ii) wujudnya hubungan antara seseorang yang dikatakan bertanggungjawab secara beralih dan pelaku tort; dan (iii) tort tersebut dilakukan dalam skop pekerjaan.<sup>32</sup> Dalam kes *Lister v. Hesley Hall Ltd*<sup>33</sup> seorang majikan di sebuah sekolah telah didapati bertanggungjawab terhadap perbuatan gangguan seksual yang dilakukan oleh pekerja wardennya terhadap pelajar lelaki di sekolah berkenaan. Menurut fakta

kes, defendan memiliki sebuah sekolah dan menguruskan asrama untuk pelajar lelaki dalam lingkungan umur 12 hingga 15 tahun. Walau bagaimanapun, mereka terdiri daripada kanak-kanak yang telah dihantar oleh pihak berkuasa disebabkan oleh masalah emosi dan juga akhlak. Bagi memudahkan pihak pengurusan, sepasang suami isteri, Puan G dan Encik G telah ditugaskan sebagai warden dan pembantu asrama untuk menjaga para pelajar berkenaan. Tanpa diketahui oleh pihak atasan, warden tersebut telah secara sistematik (konsisten) mengganggu plaintif di asrama secara seksual *House of Lords* berpendapat bahawa perbuatan warden tersebut dilihat tidak lari jauh dari daripada skop pekerjaan, maka adalah adil dan saksama untuk diputuskan bahawa defendan adalah bertanggung secara beralih.

Begitu juga dengan kes *Richardson v. Oracle Corporation Australia Pty Ltd & Anor*<sup>34</sup> di mana mahkamah mendapati Encik Tucker, selaku defendan kedua telah melakukan gangguan seksual terhadap plaintif lalu memutuskan defendan pertama sebagai bertanggung di bawah tort tanggungan beralih. Menurut fakta kes, plaintif merupakan pengurus perundingan di pejabat defendan pertama yang terletak di Sydney. Suatu hari, ia telah ditugaskan untuk menguruskan satu projek di Melbourne bersama Encik Tucker yang merupakan wakil pekerja dari pejabat sana. Sepanjang bekerjasama dengannya, plaintif dipercayai telah menerima beberapa ulasan berunsur lucah dan tindak balas seksual daripadanya. Oleh sebab hal itu dilihat berlarutan, plaintif nekad untuk membawa tuntutan di bawah *Sex Discrimination Act* 1984 atas perbuatan defendan kedua dan mendakwa terdapat kegagalan pihak majikan untuk mengendalikan aduan yang dibuat secara berkesan. Awalnya, mahkamah telah memperuntukkan \$18,000 kepada plaintif

sebagai ganti rugi am. Namun begitu, Mahkamah Persekutuan Australia merasakan jumlah tersebut tidak cukup untuk tujuan meremedikan kecederaan plaintif dari segi fizikal dan juga mental. Oleh itu, setelah mencapai kata sepakat, bayaran tersebut dinaikkan kepada \$100,000.

Di samping itu, tort gangguan juga merupakan salah satu pilihan bagi kausa tindakan yang boleh dibawa dalam tuntutan saman gangguan seksual. Menurut Hakim Lee dalam kes *Malcomson Nicholas Hugh Bertram v. Naresh Kumar Mehta*<sup>35</sup> tort gangguan ialah suatu tingkah laku seseorang yang bersifat *repetitive* atau berulang, sama ada menerusi kata-kata atau tindakan secara langsung atau melalui pihak ketiga yang mana boleh mendatangkan kebimbangan, tekanan emosi dan kegusaran kepada pihak lain. Namun begitu, tidak semua negara mengiktiraf tort ini ke dalam sistem perundangan mereka seperti United Kingdom, Australia dan juga Kanada. (Simon 2016)<sup>36</sup>

Bagi membolehkan perbuatan gangguan seksual jatuh di bawah tort ini, plaintif perlu membuktikan bahawa gangguan yang dikenakan terhadapnya bersifat keterlaluan (*outrageous*). Seperti tort serangan dan hentaman juga, tort gangguan juga *actionable per se* di mana plaintif tidak perlu membuktikan sebarang kecederaan akibat gangguan seksual yang dihadapinya. (Martin 2001).<sup>37</sup> Selaras dengan keputusan mahkamah dalam kes *State Rubbish Collectors Association v. Siliznof*<sup>38</sup>, telah disepakati bahawa tiada langsung kemudahan sosial yang mengecualikan seseorang daripada liabiliti hanya kerana pihak mangsa bebas daripada sebarang bentuk kecederaan fizikal. Hal ini demikian kerana mahkamah merasakan bahawa perbuatan defendan yang disengajakan dan



juga keterlaluannya sudah memadai untuk menyebabkan liabiliti tort gangguan dikenakan terhadapnya. Plaintiff dalam kes ini telah mengalami tekanan emosi sehingga menyebabkan ia kerap kali muntah dan terpaksa mengabaikan tugasnya di tempat kerja akibat ancaman berterusan daripada defendan.

Dalam kes *Rogers v. Loews L'Enfant Plaza Hotel*<sup>39</sup>, plaintiff yang merupakan penolong pengurus di sebuah restoran hotel telah diganggu secara seksual oleh defendan hampir setiap hari. Difahami bahawa defendan pernah mengenggam tangannya bersama surat dan nota setiap kali ia sedang sibuk, atau menyelitkan nota tersebut di dalam menu dan juga beg tangannya. Tambahan lagi, defendan juga sering menelefon plaintiff sewaktu ia sedang bekerja mahupun berada di rumah dan meluahkan pandangan berunsur lucah berkenaan kehidupan peribadi dan seks plaintiff. Walau bagaimanapun Mahkamah, memperakui bahawa agak sukar untuk membuktikan niat ingin menyebabkan kecederaan oleh defendan meskipun fakta kes jelas menunjukkan bahawa perbuatan defendan dikira melampau. Maka, diputuskan bahawa keterlampauan tersebut sudah cukup menyokong kenyataan bahawa defendan sememangnya berniat untuk mencederakan atau membahayakan plaintiff. Namun begitu, adalah didapati bahawa tort gangguan sebetulnya masih belum cukup berkembang dan stabil di kebanyakan negara seperti contoh, Amerika Syarikat. Buktinya, terdapat lagi beberapa negara yang belum memberikan pengiktirafan kepada tort ini. Walaupun begitu, ini tidak bermakna tort gangguan akan terbantut dan pupus pada masa akan datang disebabkan oleh keluasan pengaplikasian tort ini di Amerika Syarikat terutamanya dalam tuntutan saman gangguan seksual di negara mereka.

Ingin ditekankan bahawa matlamat asal idea pengaplikasian undang-undang tort dalam tuntutan saman gangguan seksual adalah untuk memperuntukkan remedi yang mencukupi dan memadai kepada mangsa atau pihak yang teraniaya. Sebagai contoh, Hong Kong yang mengiktiraf tort gangguan seksual melalui penguatkuasaan *Sex Discrimination Ordinance* (SDO), telah memasukkan beberapa peruntukan yang membolehkan mereka untuk memberikan remedi yang pelbagai kepada mangsa gangguan seksual. Pemberian remedi ini sebetulnya bertujuan untuk menghalang gangguan seksual daripada terus berlaku di samping memperuntukkan pampasan penuh kepada mangsa berkenaan. Berbeza dengan undang-undang jenayah, ia hanya bermatlamat untuk menghukum dan mencegah tanpa menyediakan apa-apa pampasan dalam bentuk wang kepada mangsa. Oleh hal yang demikian, undang-undang tort sewajarnya terpakai demi memperjuangkan hak mangsa terhadap ganti rugi.

Antara remedi yang telah disebutkan di atas ialah ganti rugi pampasan biasa (*ordinary compensatory damages*), ganti rugi teruk (*aggravated damages*), ganti rugi punitif atau teladan, relief ekuiti dan lain-lain bentuk relief. Kesemua remedi ini diperuntukkan oleh mahkamah kepada mangsa gangguan seksual berdasarkan bentuk kecederaan yang dialami. Contohnya, ganti rugi pampasan biasa diperuntukkan kepada mangsa apabila terdapat kecederaan berbentuk perasaan, kesihatan dan kerugian kewangan akibat tort gangguan seksual. Dalam kes *HM Prison Service v. Johnson*<sup>40</sup>, suatu panduan telah digariskan bagi menentukan tahap pemberian ganti rugi kepada plaintiff atas kecederaan berbentuk perasaan. Garis panduan tersebut telah menjadi rujukan hakim dalam satu kes Hong

Kong, *Yuen Sha Sha v. Tse Chi Pan*<sup>41</sup> di mana wang tunai sebanyak HK\$50,000 telah diberikan kepada plaintif atas kecederaan berbentuk emosi yang dialaminya. Namun begitu, masih terdapat pandangan yang menyatakan bahawa jumlah tersebut agak rendah untuk meremedikan kecederaan emosi plaintif akibat gangguan seksual yang dilakukan oleh sahabat karibnya sendiri.

Kecederaan terhadap kesihatan dapat diilustrasi dalam kes *LSM v. Ministry of Defence*<sup>42</sup> di mana plaintif yang merupakan seorang pramugari di Tentera Laut Diraja di England telah diganggu secara seksual oleh beberapa pelayar lelaki selama tiga tahun. Akibatnya, ia menderita kemurungan seperti kerap menangis, sakit kepala yang teruk, insomnia, hilang tenaga dan hilang semangat. Dengan sokongan laporan psikiatri yang ada, mahkamah telah mengurniakan ganti rugi pampasan biasa sebanyak £25,000 atas kecederaan terhadap kesihatan plaintif.

Selain daripada ganti rugi pampasan biasa, mahkamah juga boleh memperuntukkan ganti rugi teruk kepada mangsa gangguan seksual kerana ia berhak untuk menerima sejumlah pampasan yang lebih besar jika gangguan seksual yang dihadapi berpotensi untuk meningkatkan tahap kecederaannya. (Srivastava & Tsao, 2002).<sup>43</sup> Terdapat dua syarat pemberian ganti rugi teruk yang telah ditetapkan oleh pihak tribunal selaras dengan keputusan kes *Ministry of Defence v. Meredith*<sup>44</sup> iaitu; (i) motif dan perbuatan defendan adalah luar biasa; dan (ii) plaintif mengalami kerugian atau kecederaan yang tidak ketara akibat perbuatan defendan seperti kecederaan pada keperibadiannya (*injury to personality*). Dalam kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v. Asmah Hj Mohd Nor*<sup>45</sup>, mahkamah telah mengambil kira sifat perbuatan gangguan seksual defendan yang cukup luar biasa

seperti menghantar surat yang mengandungi kata-kata kesat dan tidak senonoh, gurauan yang berunsur lucah serta menawarkan plaintif untuk menjadi isteri keduanya, untuk memberikan ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan (*exemplary damages*) sebanyak RM20,000 atas kecederaan fizikal, emosi dan psikologi yang dialaminya akibat perbuatan defendan.

Tambahan lagi, ganti rugi punitif atau teladan turut diperuntukkan oleh mahkamah sekiranya didapati bahawa perbuatan defendan bukan sahaja memerlukan untuk membayar pampasan kepada plaintif, malah ia wajar untuk dihukum supaya perbuatan tersebut tidak diulanginya lagi.<sup>46</sup> Hakim Devlin dalam kes *Rookes v. Barnard*<sup>47</sup> telah mengehendkan pemberian ganti rugi punitif kepada tiga kategori iaitu; (i) perbuatan yang bersifat agresif, sewenang-wenangnya (*arbitrary*) dan tidak berperlembagaan oleh kakitangan kerajaan; (ii) perbuatan yang mampu menghasilkan keuntungan; dan (iii) dengan izin atau kebenaran oleh undang-undang. Jika salah satu kategori ini berjaya dikesan dalam sesuatu kes, maka ganti rugi punitif atau teladan akan diberikan oleh mahkamah.

Akhir sekali, mangsa gangguan seksual juga boleh menuntut relief ekuiti dan lain-lain bentuk relief di muka pengadilan. Antara semua relief yang ada, relief pencegahan seperti injunksi adalah yang terpenting di mana melalui perintah injunksi, mahkamah diberi kuasa untuk menghalang defendan daripada melakukan gangguan seksual terhadap plaintif dan berkomunikasi dengannya sekali lagi sama ada secara lisan, tulisan dan sebagainya. (Srivastava & Tsao 2002)<sup>48</sup>. Hal ini boleh diilustrasi dalam kes *Perharic v. Hennessey*<sup>49</sup> di mana Mahkamah Rayuan Inggeris telah memerintahkan injunksi terhadap defendan yang terus-

terusan mengganggu plaintif secara seksual menerusi panggilan telefon oleh kerana disangkanya plaintif adalah seorang pelacur.

CADANGAN PENYELESAIAN  
PERUNDANGAN DI MALAYSIA  
BERDASARKAN PERKEMBANGAN  
UNDANG-UNDANG DI HONG KONG  
DAN SINGAPURA

Sebab-musabab lain teretusnya idea pemakaian undang-undang tort dalam tuntutan saman gangguan seksual ialah pastinya keberkesanan pemakaian undang-undang itu sendiri di negara luar seperti Hong Kong dan Singapura. Faktor kedekatan wilayah menjadi jawapan kepada persoalan mengapa negara-negara tersebut dipilih sebagai 'role model'.

Dengan menjadikan undang-undang gangguan seksual di Australia seperti Akta Diskriminasi Seks 1984 dan Akta Peluang Sama Rata 1984 sebagai sumber rujukan, Hong Kong telah menggubal undang-undang sendiri untuk membantah perbuatan gangguan seksual secara keras (Srivastava & Tsao)<sup>50</sup> melalui penguatkuasaan *Sex Discrimination Ordinance* (SDO)<sup>51</sup> bagi mengenakan liabiliti terhadap pengganggu gangguan seksual. Berlandaskan undang-undang tort, SDO amat berperanan dalam melindungi mangsa-mangsa gangguan seksual di Hong Kong. Pertama, SDO bukan sahaja memberi penekanan terhadap gangguan seksual di tempat kerja, malah di institusi pendidikan dan tempat lain juga. Kedua, SDO juga mengiktiraf konsep tanggungan beralih di bawah undang-undang tort menerusi Seksyen 46(3)<sup>52</sup>, sebagai salah satu cara untuk meletakkan tanggungan pekerja di bawah bidang kuasa majikannya. Ketiga, SDO turut memperuntukkan beberapa jenis remedi kepada mangsa

gangguan seksual yang mana agak berlainan berbanding undang-undang gangguan seksual di Australia, mahupun di Malaysia dan seterusnya, SDO memberi peluang kepada *Equal Opportunities Commission of Hong Kong* (EOC) untuk mencari jalan penyelesaian bagi kes gangguan seksual di Hong Kong di samping mengiktiraf perbuatan mewujudkan persekitaran hostile di tempat kerja seperti gangguan seksual sebagai suatu kesalahan di sisi undang-undang. (Srivastava 2010).<sup>53</sup>

Di Singapura, tort gangguan pertama kali diiktiraf ke dalam sistem perundangan mereka menerusi kes *Malcomson Nicholas Hugh Bertram v. Naresh Kumar Mehta*.<sup>54</sup> Menurut fakta kes, defendan yang merupakan bekas pekerja plaintif di sebuah syarikat dipercayai telah menganggunya melalui emel, panggilan telefon mahupun perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) bagi tujuan diterima bekerja semula. Akibatnya, plaintif mengalami tekanan disebabkan oleh gangguan defendan yang bersifat berterusan. Namun begitu, tindakan tidak boleh dibawa di bawah tort serangan dan hentaman oleh kerana tiada sebarang sentuhan fizikal boleh didapati dalam gangguan defendan terhadapnya. Walau bagaimanapun, mahkamah membenarkan tuntutannya di bawah tort gangguan dengan mengambil kira faktor pengulangan (*repetition*) gangguan tersebut. Hakim Lee menjelaskan bahawa faktor persekitaran dan kepadatan penduduk di Singapura adalah alasan untuk memperuntukkan bantuan dari segi undang-undang kepada mangsa gangguan yang disahkan mengalami tekanan emosi. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa pemberian pampasan kepada mangsa bagi kesalahan (tort) berniat yang mendatangkan tekanan dan ketidaktenteraman tidak seharusnya dikecualikan. (Simon 2016).<sup>55</sup>

Akan tetapi, pendekatan dalam kes tersebut telah dicabar oleh Mahkamah Tinggi Singapura dalam kes *AXA Insurance Singapore Pte Ltd v. Chandran s/o Natesan*<sup>56</sup> di mana mahkamah menolak pengaplikasian undang-undang tort lalu mencadangkan penggubalan undang-undang berkenaan perlakuan gangguan kepada Parlimen. Hal ini demikian kerana, berbekalkan takrifan tort gangguan yang agak samar, mahkamah bimbang jika berlakunya litigasi yang berlebihan (*floodgate of litigation*) pada masa hadapan sehingga mampu membebankan tugas mereka. Berikutan itu, pada tahun 2014, *Protection from Harassment Act* (PHA) mula dikuatkuasakan di Singapura bagi menyelesaikan masalah kemasyarakatan seperti kegiatan buli di sekolah, gangguan seksual, gangguan di tempat kerja dan juga mengendap. (Gary 2016).<sup>57</sup> PHA adalah lebih kompleks disebabkan oleh rangkuman liabiliti sivil dan jenayah dalam satu Akta yang mana secara tidak langsung seolah-olah memansuhkan tort gangguan di Singapura<sup>58</sup> dan mengiktiraf tuntutan sivil berkanun. (Simon 2016).<sup>59</sup> Biarpun begitu, hal ini tidak bermakna pemakaian undang-undang tort dalam sistem perundangan Singapura sertamerta terhapus oleh kerana asas kepada undang-undang tort masih lagi terpakai di dalam Akta ini dan masih ada peruntukan di dalamnya yang bersandarkan undang-undang tort terutamanya berkenaan tuntutan ganti rugi. (Gary 2016).<sup>60</sup>

Perbezaan di antara kedua-dua statut perundangan ini, walau bagaimanapun, memberi ruang kepada Malaysia untuk mempertimbang dan membuat pilihan, sama ada ingin mengaplikasikan undang-undang tort gangguan seksual secara terus ke dalam sistem perundangan atau menggubal sebuah Akta yang baharu berkaitan gangguan seksual yang serba lengkap seperti PHA di Singapura. Cadangan ini sewajarnya

dikemukakan kepada ahli-ahli Parlimen supaya penggubalan Akta khusus tersebut dapat dilaksanakan. Namun begitu, andai kata ahli-ahli Parlimen menolak idea penggubalan tersebut, adalah menjadi kewajipan badan kehakiman untuk mempertimbangkan pengaplikasian undang-undang tort gangguan seksual ke dalam sistem perundangan Malaysia melalui penghakiman yang diputuskan pada masa akan datang demi memperjuangkan hak mangsa gangguan seksual di muka pengadilan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa undang-undang tort adalah bagaikan suatu keperluan kepada tuntutan saman gangguan seksual. Sifatnya yang pelbagai berdasarkan kategori-kategori tort yang ada dan boleh digunapakai dalam kausa tindakan, secara tidak langsung memudahkan pihak mangsa untuk membawa tuntutan di mahkamah dengan jayanya. Namun begitu, adalah perlu untuk memastikan bahawa elemen-elemen yang terdapat dalam tort berkenaan dipenuhi. Jika tidak, tuntutan tersebut tidak akan dapat dibuktikan. Apa yang utama tentulah manfaat remedi yang diperuntukkan di bawah undang-undang tort kepada mangsa gangguan seksual. Sejujurnya, hal ini adalah tarikan utama undang-undang tort untuk diaplikasikan dalam tuntutan saman gangguan seksual oleh kerana jika tuntutan tersebut berhasil, mangsa sekurang-kurangnya dapat menanggung segala kerugian dan kecederaan yang dialami akibat perbuatan defendan.

Di samping itu, penggubalan Akta Gangguan Seksual yang berteraskan undang-undang tort dengan menjadikan *Sex Discrimination Ordinance* (SDO) dari Hong

Kong dan *Protection from Harassment Act* (PHA) dari Singapura sebagai rujukan utama, adalah cadangan yang terbaik buat masa ini dalam era pembangunan undang-undang berkaitan gangguan seksual di Malaysia. Sekiranya penggubalan Akta ini menjadi kenyataan, masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa gangguan seksual selama ini bakal bertemu jalan penyelesaian di mana mereka diberi peluang untuk membawa tuntutan saman gangguan seksual di bawah undang-undang tort yang bersifat pelbagai dan memperoleh peruntukan remedi atas kecederaan atau kerosakan yang dialami

akibat perbuatan penganggu. Bukan itu sahaja, penganggu juga boleh dikenakan liabiliti jenayah di bawah Akta ini selain daripada keperluan untuk membayar pampasan kepada pihak mangsa supaya mereka sedar bahawa perbuatan gangguan seksual adalah suatu kesalahan yang serius dan tidak seharusnya dipandang remeh semata. Akhir kata, dengan adanya penguatkuasaan Akta ini, pihak mangsa akan lebih berani untuk bangkit dan menuntut hak mereka sebagai wanita yang wajib dihormati ke muka pengadilan demi kepentingan maruah diri dan juga masyarakat sejagat.

#### NOTA

<sup>1</sup>Rohani Abdul Rahim, *Undang-undang Gangguan Seksual di Malaysia: Satu Analisa* (2011) 1 LNS (A) xciiu

<sup>2</sup> F. Achampong, *Workplace Sexual Harassment Law*, Quorum Books, USA, 1999, hlm 44-45.

<sup>3</sup>JE Workman, KK Johnson, 'The Roles of Cosmetics in Attribution About Sexual Harassment' (1991) 24 (11/12) *Sex Roles*, hlm 759-769.

<sup>4</sup> S.T. Fiske, 'Controlling other people: the impact of power on stereotyping' (1993) 48 *American Psychologist*, hlm 612-628.

<sup>5</sup>[2015] 4 CLJ 295.

<sup>6</sup>Jofan Pang, [Office Parrots] *The Brand New Tort of Sexual Harassment: 5 Things We Learnt*, <https://canlawreport.com/office-parrots-harassment/> (21 September 2018)

<sup>7</sup> [2013] 4 ILR.

<sup>8</sup> [2017] 2 ILR.

<sup>9</sup> Donovan & Ho, *Federal Court Allows Sexual Harassment Claim*, <https://dnh.com.my/federal-court-allows-sexual-harassment-claim/> (31 Ogos 2018)

<sup>10</sup> [2016] 6 CLJ.

<sup>11</sup>*Malaysiakini*, *Mangsa Gangguan Seksual Boleh Saman Pelaku*, <https://www.malaysiakini.com/news/343917> (29 Ogos 2018)

<sup>12</sup> Carolyn Sappideen & Prue Vines, *Fleming's The Law of Torts*, 10<sup>th</sup> edn, LawBook Co., New South Wales, 2011.

<sup>13</sup> Norchaya Talib, *Prinsip-Prinsip Asas Tort*, Edisi Kedua, Sweet & Maxwell Asia, Selangor, 2015, hlm 10.

<sup>14</sup> Rohani Abdul Rahim, *Undang-Undang Gangguan Seksual di Malaysia: Satu Analisa* [2011] 1 LNS(A) xciii, hlm 13.

<sup>15</sup> [1938] AC 57.

<sup>16</sup> (2000) IRLR 720.

<sup>17</sup> (2010) 6 HKC 463.

<sup>18</sup> (1981) 526 F.Supp. US District Ct Columbia 523.

<sup>19</sup> [1997] ICR 275; [1997] IRLR 162, EAT.

<sup>20</sup> (1999) HKDC 2

<sup>21</sup> *LSM v. Ministry of Defence* (Manchester Employment Tribunal, 19 Mac 1997)

<sup>22</sup> DK. Srivastava & Scarlet Tsao, *Remedies for Sexual Harassment*, (2002) 10 Asia Pac. L. Rev.141, hlm 147.

<sup>23</sup> [1995] IRLR 539.

<sup>24</sup> [2016] 6 CLJ; [2013] 9 CLJ; [2015] 4 CLJ.

<sup>25</sup>*Uren v. John Fairfax & Sons Pty Ltd* (1966) 117 CLR 118.

<sup>26</sup>[1964] AC 1129.

<sup>27</sup>DK. Srivastava & Scarlet Tsao, Remedies for Sexual Harassment, (2002) 10 Asia Pac. L. Rev.141, hlm 151.

<sup>28</sup>*Perharic v. Hennessey* (Court of Appeal, 9 June 1997)

<sup>29</sup>DK Srivastava & Scarlet Tsao, 'Remedies for Sexual Harassment' (2002) 10 Asia Pac. L. Rev. 141, hlm 121.

<sup>30</sup>*Sex Discrimination Ordinance* (1995) Cap. 480

<sup>31</sup>*Sex Discrimination Ordinance* (1995) Cap. 480

<sup>32</sup> DK Srivastava, 'Progress of Sexual Harassment Law in India, China and Hong Kong' (2010) 51 Harvard International Law Journal Online, hlm 178.

<sup>33</sup> [2001] 4 SLR 454.

<sup>34</sup>Simon Shiu Yau Wai, Protection of Victims Harassed by Former Intimate Partners and Love Obsessionals in Hong Kong, (2016) 10 H.K. J. Legal Stud. 1, hlm 7.

<sup>35</sup> [2013] 4 SLR 545.

<sup>36</sup>Gary Chan Kok Yew, *The Law of Torts in Singapore*, 2<sup>nd</sup> edn, Academy Publishing, Singapore, 2016, hlm 69.

<sup>37</sup>Seksyen 14(1) *Protection from Harassment Act* 2014.

<sup>38</sup>Simon Shiu Yau Wai, Protection of Victims Harassed by Former Intimate Partners and Love Obsessionals in Hong Kong, (2016) 10 H.K. J. Legal Stud. 1, hlm 8.

<sup>39</sup>*Kralj v. McGrath* [1986] 1 All ER 54 & *Hicks v. Chief Constable of Yorkshire Police* [1992] 1 AC 310.

<sup>40</sup>[1992] 1 FLR 156 (CA).

<sup>41</sup>(1897) 2 QB 57

<sup>42</sup>[2016] 6 CLJ.

<sup>43</sup> [2013] 9 CLJ.

<sup>44</sup>Dr Jashpal Kaur Bhatt, Commentary: Landmark Award of Compensatory Damages for Sexual Harassment at the Workplace –

Harassers and Employers Beware! [2016] 3 ILR, hlm xiv.

<sup>45</sup>[2016] 6 CLJ.

<sup>46</sup>Jack Tsen-Ta Lee, Workplace Sexual Harassment in Singapore: The Legal Challenge (1999) 11 SAclJ 27, hlm 182.

<sup>47</sup>(1981) 526 F.Supp. US District Ct Columbia 523.

<sup>48</sup>90 Ariz. 215, 367 P.2d 248 (1961).

<sup>49</sup>(2014) IEHC 126

<sup>50</sup>[1982] QB 458 at 471.

<sup>51</sup>Ali Mohamed, A. A. et al, 'Sexual harassment: Liability of sexual harasser and employer in Tort' (2015) 23 *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, hlm 183.

<sup>52</sup>(2004) 1 SCR 436.

<sup>53</sup>Ali Mohamed, A. A. et al, 'Sexual harassment: Liability of sexual harasser and employer in Tort' (2015) 23 *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, hlm 183.

<sup>54</sup>[2001] UKHL 22.

<sup>55</sup> (2014) 312 ALR 285.

<sup>56</sup>[2001] 4 SLR 454.

<sup>57</sup>Simon Shiu Yau Wai, Protection of Victims Harassed by Former Intimate Partners and Love Obsessionals in Hong Kong, (2016) 10 H.K. J. Legal Stud. 1, hlm 5-6.

<sup>58</sup>Martin Lishexian Lee, The Need for a Tort of Harassment, (2001) 5 S. Cross U. L. Rev. 189, hlm 193.

<sup>59</sup> (1952) 240 P 2d 282.

<sup>60</sup>Gary Chan Kok Yew, *The Law of Torts in Singapore*, 2<sup>nd</sup> edn, Academy Publishing, Singapore, 2016, hlm 69.

#### RUJUKAN

Ali Mohamed, A. A. et al. 2015. Sexual harassment: Liability of sexual harasser and employer in Tort. *Pertanika Journals Social Sciences & Humanities* 23 (8).

- Carolyn Sappideen & Prue Vines. 2011. Fleming's The Law of Torts. 10<sup>th</sup> Ed. New South Wales: LawBook Co.
- DK. Srivastava & Scarlet Tsao. 2002. Remedies for sexual harassment. *Asia Pacific Law Review* 10(1).
- Donovan & Ho. n.d.. Federal Court allows sexual harassment claim.
- Dr Jashpal Kaur Bhatt. 2016. Commentary: Landmark award of compensatory damages for sexual harassment at the workplace – Harassers and employers beware!. *Industrial Law Reports* 3 (ix).
- F. Achampong. 1999. Workplace Sexual Harassment Law. USA: Quorum Books.
- Gary Chan Kok Yew. 2016. The Law of Torts in Singapore. 2nd Ed. Singapore: Academy Publishing.
- Jack Tsen-Ta Lee. 1999. Workplace sexual harassment in Singapore: The legal challenge. *Singapore Academy of Law Journal* 11 (27).
- Jofan Pang. n.d.. [Office parrots] The brand new Tort of sexual harassment: 5 things we learnt.  
<https://canlawreport.com/office-parrots-harassment/> [21 September 2018]
- Anon. 2016. Mangsa gangguan seksual boleh saman pelaku. *Malaysiakini*.  
<https://www.malaysiakini.com/news/343917> [29 Ogos 2018]
- Martin Lishexian Lee. 2001. The need for a Tort of harassment. *Southern Cross University Law Review* 5 (189).
- Norchaya Talib. 2015. Prinsip-Prinsip Asas Tort. Edisi Kedua. Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Rohani Abdul Rahim. 2011. Undang-undang gangguan seksual di Malaysia: Satu analisa. *Current Law Journal* 1(1).
- S.T. Fiske. 1993. Controlling other people: the impact of power on stereotyping. *American Psychologist* 48 (1).
- Simon Shiu Yau Wai. 2016. Protection of victims harassed by former intimate partners and love obsessionals in Hong Kong. *Hong Kong Journal of Legal Studies* 10(1).
- Natasha Adilla Mahazir  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Email: nat.adilla@gmail.com
- Tengku Noor Azira Bt Tengku Zainudin  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Email: tna@ukm.edu.my